

Malaysia kutuk serangan terbaru tentera Israel di Gaza

KUALA LUMPUR: Malaysia mengutuk gerakan terbaru tentera Israel di Gaza kerana ia jelas mencabuli undang-undang kemanusiaan antarabangsa khususnya berhubung larangan memusnahkan tempat kediaman.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Israel perlu menghentikan semua tindakan keganasan dan patuh kepada undang-undang.

Beliau juga melahirkan penghargaan Malaysia terhadap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kerana melaksanakan Resolusi 1544 termasuk mengutuk pembunuhan orang awam Palestin oleh tentera Israel di Rafah.

"Israel mesti patuh kepada bantahan masyarakat antarabangsa berhubung tindakan terbarunya di Gaza seperti yang terbukti melalui tindakan Majlis Keselamatan," kata Abdullah dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata Israel perlu kembali kepada Pelan Tindakan Ke Arah Perdamaian di Asia Barat, menghentikan semua tindakan unilateralnya dan membabitkan diri secara bersungguh-

benar dalam rundingan damai.


"Israel perlu memainkan perannya untuk memulihkan suasana damai di rantau itu," katanya.

Laporan Reuters dari Rafah menyebut bahawa Israel melancarkan pencebisan paling dahsyat sejak beberapa tahun lalu di Semenanjung Gaza pada Khamis tanpa menghiraukan kemarahan masyarakat antarabangsa, dengan membunuh 39 penduduk awam Palestin dalam pertempuran di khemah pelarian Rafah.

Ketegangan di rantau itu semakin meningkat selepas sebuah mahkamah di Tel Aviv mensabitkan kesalahan pemimpin pejuang Palestin, Marwan Barghouthi kerana tuduhan mendalangi serangan terhadap warga Israel,

Barghouthi dianggap orang kedua paling popular selepas Presiden Yasser Arafat.

Majlis Keselamatan PBB menggesa keganasan dihentikan selepas tentera Israel membunuh 10 penduduk Palestin, kebanyakannya belia, yang mengambil bahagian dalamunjuk perasaan secara aman pada Rabu. - Bernama



ABDULLAH menerima kunjungan hormat Duta Besar Republik Rakyat China ke Malaysia, Wang Chungui di Putrajaya semalam. - Gambar oleh Hadzme Mohd Jaafar